



Ruj. Kami : JPPKK/BKP/100-1/1/1 Jld. 4 ( 27 )

Tarikh : 22 Januari 2021

## **SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBrs. Dr./Ts./Tuan/Puan,

### **EDARAN ARAHAN PENTABIRAN KEWANGAN JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI BILANGAN 1 TAHUN 2021**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBrs. Dr./Ts./tuan/puan kepada perkara seperti yang tersebut di atas.

2. Sukacita bersama-sama ini diedarkan Arahan Pentadbiran Kewangan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Bilangan 1 Tahun 2021 untuk rujukan pihak YBrs. Dr./Ts./tuan/puan jua. Arahan Pentadbiran Kewangan ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Perhatian dan kerjasama YBrs. Dr./Ts./tuan/puan berhubung perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(NOORAIDAH BINTI ABDULLAH)**

Pengarah

Bahagian Khidmat Pengurusan

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.: Ketua Pengarah JPPKK

**NO. RUJ.: JPPKK/BKP/100-1/1/1 JLD. 4 ( 26 )**

**ARAHAN PENTADBIRAN KEWANGAN  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
BILANGAN 1 TAHUN 2021**

---

**1.0 TUJUAN**

Tujuan Arahan Pentadbiran Kewangan Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK) Bilangan 1 Tahun 2021 ini dikeluarkan adalah untuk memastikan setiap aspek pengurusan kewangan di Bahagian-bahagian dan Institusi-Institusi di bawah seliaan JPPKK adalah teratur dan mematuhi pekeliling dan peraturan semasa yang berkuatkuasa serta kawalan dalaman yang ditetapkan.

**2.0 BELANJA MENGURUS DAN PEMBANGUNAN 2021**

**Peruntukan Dasar Sedia Ada Yang Diluluskan Bagi Tahun 2021**

2.1 Kelulusan peruntukan mengurus (B64) di bawah dasar sedia ada bagi JPPKK adalah seperti berikut:-

<b>PERIHAL</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
Kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)	1,414,401,000
Kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	1,393,170,600

2.2 Agihan peruntukan telah dilaksanakan kepada semua PTJ pada 6 Januari 2021 yang lalu.

- 2.3 Permohonan pelepasan baki/permohonan tambahan boleh dikemukakan kepada BKP JPPKK apabila peruntukan perbelanjaan daripada mana-mana Objek Sebagai (OS) **telah mencecah lebih 50%. Kelulusan peruntukan adalah tertakluk kepada keupayaan kewangan Jabatan.**
- 2.4 Permohonan keperluan peruntukan tambahan atas sebab-sebab khusus walaupun perbelanjaan belum mencapai 50% hanya akan dipertimbangkan mengikut *case by case basis*. Kelulusan peruntukan adalah tertakluk kepada justifikasi dan keupayaan kewangan Jabatan.

### **Peruntukan Pembangunan Yang Diluluskan Bagi Tahun 2021**

- 2.5 Kelulusan peruntukan pembangunan (P64) bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:-

<b>BIL</b>	<b>PERIHAL</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
1.	Pendidikan Politeknik (00400)	416,178,200
2.	Kolej Komuniti (04800)	90,179,000

### **Peruntukan dan Bahagian-Bahagian Penyelaras**

- 2.6 Senarai peruntukan dan bahagian-bahagian penyelaras di JPPKK adalah seperti berikut:-

<b>BIL</b>	<b>PERIHAL</b>	<b>BAHAGIAN PENYELARAS DI JPPKK</b>
1.	Bertugas Ke Luar Negara (050101)	Bahagian Kompetensi & Peningkatan Kerjaya (BKPK)
2.	Emolumen Kakitangan Kontrak (050201)	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)
3.	Penyelenggaraan (050501)	Bahagian Governan dan Kecemerlangan (BGK)
4.	Perolehan Aset/Harta Modal/Kenderaan (060101)	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)
5.	Peruntukan Pembangunan (P64)	Bahagian Perancangan Program & Institusi (BPPI)

- 2.7 Tanggungjawab Bahagian Penyelaras di JPPKK adalah seperti berikut:-
- 2.7.1 Menyediakan maklumat lengkap bagi permohonan peruntukan bagi tahun berikutnya;
  - 2.7.2 Menyelaraskan keperluan sebenar peruntukan bagi setiap fungsi/aktiviti yang dipertanggungjawabkan; dan
  - 2.7.3 Memantau dan menyediakan laporan prestasi perbelanjaan termasuk peruntukan yang disalurkan melalui subwaran kepada Bahagian/Institusi.
- 2.8 Semua program/aktiviti/perolehan bagi sepanjang tahun 2021 perlu dilaksanakan mengikut tatacara kewangan dan perolehan yang berkuatkuasa dan **diselesaikan selewat-lewatnya pada 15 November 2021 supaya pembayaran dapat diselesaikan sebelum penutupan akaun.**

### 3.0 KELULUSAN BERBELANJA

- 3.1 Setiap Pengarah Bahagian/Institusi hendaklah merancang pelaksanaan program/aktiviti sewajarnya dan mengenalpasti hanya program/aktiviti yang benar-benar perlu dilaksanakan.
- 3.2 Setiap perbelanjaan yang ingin dilaksanakan **perlu mendapat kelulusan belanja (AP168) daripada Pegawai Pengawal atau pegawai yang diwakilkan kuasa oleh Pegawai Pengawal (AP11).**
- 3.3 Sebarang perolehan baharu atau lanjutan kontrak bermasa yang melibatkan peningkatan perbelanjaan **melebihi 10% daripada nilai kontrak semasa** perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada **Ketua Pengarah JPPKK melalui Unit Perolehan, BKP JPPKK.**
- 3.4 Skop perkhidmatan bagi kontrak-kontrak bermasa yang melibatkan peningkatan nilai melebihi 10% perlu dikaji semula agar tidak menjejaskan peruntukan semasa Jabatan.

## 4.0 PENGURUSAN PEROLEHAN

### 4.1 Perolehan Secara Pembelian Terus (RM20,000 dan ke bawah)

4.1.1 Semua perolehan secara pembelian terus (RM20,000 dan ke bawah) perlu menggunakan sepenuhnya Sistem eP. Pemohon perlu mengemukakan permohonan kelulusan pengeluaran Pesanan Kerajaan (PO) sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh bekalan/perkhidmatan dilaksanakan. Ini bagi memberi ruang agar semakan dapat dibuat terhadap keteraturan permohonan, keupayaan peruntukan serta penetapan kod.

4.1.2 Permohonan pengeluaran PO melalui sistem eP perlu dikemukakan sebaik sahaja kelulusan pengeluaran PO diperoleh. Tatacara Pengeluaran Pesanan Kerajaan Bagi Pembelian Terus adalah seperti di **LAMPIRAN I.**

### 4.2 Pelaksanaan Perolehan Secara Sebut Harga Atau Tender

#### 4.2.1 Penetapan Anggaran Harga Jabatan (AHJ)

- (a) **AHJ** yang munasabah hendaklah disediakan oleh Jawatankuasa Spesifikasi yang dilantik. Kaedah yang boleh digunapakai ialah kajian pasaran atau menetapkan harga berdasarkan lokaliti sesuatu perkhidmatan. Faktor-faktor luar seperti kadar inflasi juga perlu diambilkira.
- (b) **AHJ** yang ditetapkan adalah secara inklusif dan perlu ditentukan berdasarkan segala keperluan spesifikasi yang terkandung dalam dokumen tender atau sebut harga seperti gaji pekerja, peralatan, caruman pekerja, kuantiti, keuntungan syarikat dan kos-kos serta keperluan lain yang munasabah.
- (c) **AHJ** sesuatu item **TIDAK BOLEH** ditentukan hanya dengan merujuk kepada satu pembekal sahaja, tetapi perlu diluaskan kepada beberapa pembekal lain yang menawarkan bekalan dan perkhidmatan yang sama/setara.

- (d) **AHJ** perlu dilakukan setiap kali perolehan dijalankan sama ada perolehan tersebut perolehan baharu, perolehan berulang atau perolehan yang diputuskan oleh pihak berkuasa melulus untuk dibuat semula.
- (e) AHJ adalah **rahsia dan tidak boleh didedahkan** kepada mana-mana individu lain selain daripada ahli Jawatankuasa spesifikasi yang dilantik.

4.2.2 Pelaksanaan perolehan secara sebut harga atau tender hendaklah mematuhi sepenuhnya Pekeliling Perbendaharaan PK2.1 berhubung Kaedah Perolehan Kerajaan dan Garis Panduan Penetapan Norma dan Penyelarasan Tender dan Sebut Harga Perkhidmatan JPPKK seperti di **LAMPIRAN II**.

4.2.3 Bagi perolehan perkhidmatan generik seperti Perkhidmatan Kawalan Keselamatan, Kontrak Pembersihan Bangunan dan Kawasan, Sewaan Penapis Air dan Sewaan Mesin Fotostat yang dilaksanakan secara sebutharga atau tender perlu mematuhi ketetapan berikut:-

<b>Perihal</b>	<b>Penetapan Jabatan</b>
Varians Penilaian Harga	-10% ≤ Anggaran Harga Jabatan ≤ 0%
Tahap Markah Lulus Teknikal	80%
Tahap Markah Lulus Kewangan	70%
Tahap Markah Lulus Keseluruhan	75%

#### 4.3 **Pelantikan Penceramah Bukan Penjawat Awam atau Pengendali Latihan**

4.3.1 Selaras dengan perenggan 16, Pekeliling Perbendaharaan PK2.1, Bahagian/Institusi hendaklah mengutamakan kepakaran sedia ada dalam kalangan anggota perkhidmatan awam/agensi Kerajaan dan institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan mempunyai kepakaran khusus untuk memberi syarahan/ceramah atau mengendalikan kursus/latihan yang diperlukan.

- 4.3.2 Pelawaan untuk mendapatkan perkhidmatan penceramah atau pengendalian kursus/latihan hendaklah menyatakan dengan jelas mengenai skop perkhidmatan, bidang kepakaran/kelayakan/pengalaman penceramah, jumlah masa syarahan, bilangan peserta dan sebagainya supaya harga yang ditawarkan dapat diperincikan untuk penilaian.
- 4.3.3 Bahagian/Institusi hendaklah menyediakan kertas kerja untuk dikemukakan kepada Unit Perolehan, BKP bagi tujuan penilaian di Mesyuarat Penilaian Latihan JPPKK dan kelulusan Ketua Pengarah JPPKK. Format Kertas Kerja dan borang permohonan adalah seperti di **LAMPIRAN III**.
- 4.3.4 Permohonan Pengendali Latihan perlulah dihantar ke Unit Perolehan Jabatan/Institusi masing-masing sekurang-kurangnya **dua puluh satu (21) hari** dari tarikh program bagi perolehan di bawah RM20,000.00 manakala bagi perolehan di atas RM20,000.00 perlu dihantar sekurang-kurangnya **empat puluh hari (40) hari** dari tarikh program dijalankan.

#### 4.4 Penyertaan Latihan (Yuran)

- 4.4.1 Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PK7.3, Bahagian/Institusi dibenarkan menyertai latihan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan atau pihak swasta.
- 4.4.2 Yuran penyertaan peserta adalah ditetapkan oleh pihak penganjur. Latihan yang memerlukan sebarang *customization* adalah tidak dibenarkan dan tidak tertakluk kepada peraturan ini.
- 4.4.3 Bahagian/Institusi hendaklah menyediakan kertas kerja lengkap dan mengisi borang seperti di **LAMPIRAN IV** untuk kelulusan Pegawai Pelulus.
- 4.4.4 Bahagian/Institusi hendaklah memastikan permohonan yang lengkap dikemukakan kepada Unit Perolehan Jabatan/Institusi sekurang-kurangnya **dua puluh satu (21) hari** sebelum tarikh program dijalankan.

## 4.5 Pengurusan Perolehan Secara Pakej

4.5.1 Takrifan penting yang perlu diketahui berkaitan pakej adalah seperti berikut:-

Terma	Tafsiran
<b>PK7.1 PENGANJURAN MAJLIS/ACARA RASMI KERAJAAN DAN JAMUAN KERAJIAN RASMI KERAJAAN</b>	
<b>“Majlis / acara rasmi Kerajaan”</b>	Mesyuarat / persidangan / konvensyen yang diadakan di peringkat Antarabangsa / Kebangsaan / Kementerian / Jabatan, meraikan pelawat iaitu orang-orang kenamaan atau rombongan rasmi dari dalam atau luar Negara yang diakui terwajib diraikan secara rasmi berkaitan dengan urusan Kerajaan, acara pelancaran atau pembukaan rasmi serta penutup sesuatu projek/pertandingan oleh Kementerian/Jabatan.
<b>“Pakej”</b>	Perolehan yang merangkumi kombinasi mana-mana item bagi menganjurkan majlis/acara rasmi Kerajaan dan jamuan keraian rasmi Kerajaan seperti penginapan, makan minum, sewaan dewan/bilik mesyuarat, penyewaan peralatan dan kemudahan lain yang berkaitan.
<b>“Katering”</b>	Perkhidmatan penyediaan makanan bagi majlis jamuan yang diuruskan oleh Agensi tanpa melibatkan penginapan atau sewaan dewan/khemah serta peralatan seperti kerusi, meja, perhiasan dan alat siaraya.
<b>PK7.2 PEROLEHAN PERKHIDMATAN KEMUDAHAN LATIHAN SECARA PAKEJ</b>	
<b>“Latihan”</b>	Proses pemindahan ilmu pengetahuan bertujuan menambah pengetahuan, kemahiran dan sikap yang bersesuaian untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi. Ia meliputi konvensyen, kursus, bengkel/ <i>retreat</i> , makmal ( <i>lab</i> ), seminar/taklimat, kolokium, forum,



Terma	Tafsiran
	simposium, lawatan rasmi/korporat/sambil belajar, klinik kaunseling dan program lain yang memenuhi definisi latihan.
“Pakej”	Perolehan yang dibuat dalam satu Pesanan Kerajaan/Surat Setuju Terima (SST)/perjanjian merangkumi kombinasi daripada mana-mana item kemudahan latihan seperti penginapan, makanan, dewan, bilik latihan, peralatan dan bahan yang berkaitan dengan latihan daripada penyedia kemudahan latihan yang berkeupayaan dan berkemampuan.

4.5.2 Selaras dengan PB 3.1 mengenai Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan, semua Bahagian dan Institusi hendaklah mengoptimumkan penggunaan Institut Latihan Awam (ILA)/premis/kemudahan sedia ada milik Kerajaan bagi penganjuran program/aktiviti.

4.5.3 Namun demikian, selaras dengan pengumuman pakej-pakej rangsangan ekonomi 2020 yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan baru-baru ini, Kementerian Kewangan melalui surat MOF.NBO(S)600.1/4/1(44) bertarikh 29 Jun 2020 bersetuju supaya **kelonggaran penganjuran semua majlis/acara tersebut sepanjang tahun 2020 dan 2021 boleh dilaksanakan di premis selain daripada ILA atau premis/kemudahan sedia ada milik Kerajaan termasuk hotel bagi merancang industri/sector pelancongan negara.**

4.5.4 Semua permohonan pakej **di premis swasta tanpa mengira jumlah kos pakej** hendaklah mendapat kelulusan melaksanakan perolehan seperti berikut:-

Bil.	Kriteria Pakej	Pihak Berkuasa Melulus
1.	(i) Kos RM50,000 dan ke bawah; (ii) Dilaksanakan di dalam zon; dan (iii) Dilaksana di hotel bawah 5 bintang.	<u>Kuasa Melulus Permohonan Pakej:</u> Ketua Pengarah/ Timbalan Ketua Pengarah JPPKK
2.	(i) Kos melebihi RM50,000; dan (ii) Dilaksanakan di hotel 5 bintang	<u>Kuasa Melulus Perolehan Pakej:</u> KSU atau Pegawai yang diberi kuasa di KPT  <u>Kuasa Melulus Perolehan Pakej (Bagi Kos melebihi RM20 ribu hingga RM500 ribu):</u> Jawatankuasa Sebutharga  <u>Kuasa Melulus Perolehan Pakej (Bagi Kos melebihi RM500 ribu):</u> Lembaga Perolehan KPT

4.5.5 Semua permohonan pakej hendaklah disokong dengan dokumen-dokumen berikut:-

- (a) Surat permohonan tempahan kepada **sekurang - kurangnya tiga (3) ILA**;
- (b) **Surat jawapan** daripada ketiga-tiga ILA tersebut; dan
- (c) **Justifikasi bertulis** seperti berikut:-
  - i. Justifikasi keperluan mengadakan pakej di premis swasta;

- ii. Justifikasi pakej melebihi hari yang ditetapkan (sekiranya berkenaan);
- iii. Justifikasi pakej dibuat di luar zon (sekiranya berkenaan); dan
- iv. Justifikasi lewat mengemukakan permohonan (sekiranya berkenaan).

4.5.6 Siling dalaman yang ditetapkan per pax bagi tugas rasmi dan latihan adalah seperti di **LAMPIRAN V**.

4.5.7 Lokasi pelaksanaan pakej haruslah dipastikan berada di luar 25 KM radius daripada pejabat yang menganjurkan pakej.

4.5.8 **Sebarang perubahan tarikh pakej perlulah mendapatkan kelulusan dari pegawai pelulus terlebih dahulu** sebelum memulakan program pada tarikh baharu.

4.5.9 Semua permohonan pelaksanaan pakej yang hendak dikemukakan ke Kementerian **perlulah melalui Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) JPPKK bagi tujuan semakan dan ulasan kewangan.**

4.5.10 Kos-kos selain kos pakej seperti kos tuntutan perjalanan, sewaan dan lain-lain perbelanjaan hendaklah diambil kira dalam melaksanakan sesuatu program untuk memastikan kaedah dan pendekatan yang paling menjimatkan telah dilaksanakan dalam semua perkara.

4.5.11 Bahagian/Institusi juga diingatkan untuk mematuhi Tatacara Perolehan Kerajaan Kemudahan Secara Pakej yang berkuat kuasa di dalam Pekeliling Perbendaharaan PK7.1 dan PK7.2 serta peraturan - peraturan lain yang berkaitan sebelum mengemukakan permohonan pakej kepada Pegawai Pelulus. **Ketidakpatuhan dalam melaksanakan kaedah perolehan pakej akan menyebabkan permohonan ditolak dan tidak dipertimbangkan sama sekali.**

4.5.12 Adalah menjadi tanggungjawab urusetia yang melaksanakan pakej agar **membuat pengesahan kehadiran sebelum sebarang program/bengkel dijalankan.** Ini adalah bagi memastikan tidak berlaku pembaziran wang awam apabila

kemudahan seperti penginapan dan makan-minum disediakan tetapi tidak digunakan. Urusetia bertanggungjawab untuk **melepaskan bilik-bilik penginapan yang tidak digunakan dengan memaklumkan segera kepada pihak penyedia pakej.** Urusetia boleh meminta Nota Kredit disediakan oleh pihak penyedia pakej apabila kemudahan telah dilepaskan.

- 4.5.13 Senarai semak dokumen bagi permohonan pakej adalah seperti di **LAMPIRAN VI** manakala Senarai Zon Pelaksanaan Pakej adalah seperti di **LAMPIRAN VII**. Bahagian / Institusi juga boleh merujuk **LAMPIRAN VIII** bagi mengetahui perkara-perkara yang sering dikuiiri.
- 4.5.14 Bahagian / Institusi hendaklah memastikan permohonan pakej yang lengkap mengikut format yang ditetapkan hendaklah dikemukakan kepada BKP JPPKK **sekurang-kurangnya 28 hari bekerja sebelum tarikh program.**
- 4.5.15 Tarikh akhir permohonan pakej **hendaklah dikemukakan sebelum atau pada 15 Oktober 2021** manakala tarikh akhir pelaksanaan pakej adalah pada **15 November 2021** tertakluk kepada keupayaan peruntukan serta mematuhi peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa.
- 4.5.16 BKP JPPKK berhak untuk **menolak** permohonan-permohonan pakej yang tidak relevan, tidak lengkap atau lewat dikemukakan.

#### 4.6 **Pelaporan**

- 4.6.1 Laporan bulanan Pelaksanaan sistem e-Perolehan, Laporan Pelaksanaan e-Bidding dan Laporan *Integrity Pact* hendaklah dikemukakan oleh Institusi kepada BKP JPPKK **selewat-lewatnya pada 5 haribulan bulan berikutnya.**
- 4.6.2 Mesyuarat Pasukan Pelaksana Sistem eP JPPKK akan diadakan dua (2) kali setahun mengikut takwim seperti di **LAMPIRAN A** selaras dengan pekeliling yang berkuatkuasa.

## 5.0 PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN KONTRAK

5.1 Sebelum sesuatu kontrak diwujudkan, Bahagian/Institusi hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:-

5.1.1 Mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi menampung bayaran kontrak.

5.1.2 Spesifikasi teknikal kontrak disediakan tanpa menjurus kepada mana-mana syarikat atau jenama.

5.1.3 Spesifikasi teknikal disediakan mengikut norma yang telah ditetapkan oleh Kementerian/Jabatan.

5.1.4 Tambahan Spesifikasi bagi Perolehan Pembekalan (Peralatan) seperti berikut :-

(a) Mempunyai tempoh jaminan / *Warranty period* bagi peralatan yang berkaitan;

(b) Mempunyai kerja-kerja penyelenggaraan - (*periodic maintenance*) / (*Preventive Maintenance*) (sekiranya berkaitan); dan

(c) Penyediaan Sesi Latihan / *Training* kepada Pegawai yang bertanggungjawab oleh pihak syarikat bergantung kepada jenis peralatan yang dibekalkan.

5.1.5 Tempoh bekalan / penghantaran bagi Perolehan Pembekalan **TIDAK BOLEH BERSAMAAN** dengan tempoh kontrak. (Nota: Tempoh kontrak perlulah ditetapkan sekurang-kurangnya setahun atau lebih)

5.1.6 Bagi penetapan untuk tempoh tamat kontrak, Bahagian / Institusi **PERLU MEMASTIKAN TIADA** kontrak yang akan tamat pada hujung tahun (Disember).

5.1.7 Bagi Perolehan Tender Perkhidmatan, Bahagian / Institusi perlu menetapkan tempoh kontrak baharu adalah **selama tiga (3) tahun**.

- 5.1.8 Skop perkhidmatan/bekalan/kerja yang dibuat hendaklah dipastikan **tidak bertindih** dengan mana-mana kontrak yang telah wujud di PTJ ataupun kontrak berpusat di Kementerian mahupun MOF; dan
- 5.1.9 Perolehan dilaksanakan mengikut tatacara perolehan yang telah ditetapkan seperti dalam Pekeliling Perbendaharaan PK 2.1 Kaedah Perolehan Kerajaan dan Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan Secara Am PK 4.1.
- 5.2 Draf kontrak perlu dikemukakan untuk semakan Unit Undang-Undang KPT melalui Unit Perolehan, BKP JPPKK dengan mengambilkira perkara-perkara seperti berikut:-
- 5.2.1 Dikemukakan selewat-lewatnya dalam tempoh **30 hari** dari tarikh Penerimaan Surat Setuju Terima (SST) oleh syarikat/pembekal;
- 5.2.2 Draf kontrak yang dikemukakan menggunakan *Template* yang bersesuaian dengan kehendak kontrak tersebut;
- 5.2.3 Draf kontrak perlu dikemukakan lengkap, teratur dan ditanda (*tagging*) bagi setiap lampiran;
- 5.2.4 Draf kontrak perlu dikemukakan secara *hardcopy* dan *softcopy* ke Jabatan ini: dan
- 5.2.5 Borang Pengesahan Penghantaran draf kontrak seperti di **LAMPIRAN IX** perlu dilengkapkan dan disahkan oleh Pengarah/Timbangan Pengarah Institusi.

#### Pemantauan dan Penalti

- 5.3 Setelah sesuatu kontrak ditandatangani, pegawai yang bertanggungjawab menyelia kontrak tersebut perlulah membuat pemantauan berterusan terhadap pelaksanaan dan pematuhan kepada terma-terma kontrak.
- 5.4 Sekiranya pegawai penyelia kontrak mendapati bahawa terdapat pelanggaran terhadap terma-terma kontrak, tindakan denda/penalti

perlu diambil ke atas syarikat mengikut formula yang telah ditetapkan di dalam kontrak.

#### Pelanjutan Tempoh Kontrak

- 5.5 Pelanjutan Tempoh Kontrak boleh disyorkan berdasarkan perkara berikut:-
- 5.5.1 Menerima permohonan pelanjutan tempoh kontrak dari syarikat (sekiranya ada);
  - 5.5.2 Pengesyoran tempoh pelanjutan kontrak boleh dibuat sekiranya prestasi syarikat adalah memuaskan bagi kontrak semasa;
  - 5.5.3 Pelanjutan kontrak yang boleh dipohon adalah sebanyak maksimum 50% daripada tempoh atau nilai kontrak asal tertakluk kepada syarat-syarat di dalam PK2.1;
  - 5.5.4 Permohonan Pelanjutan Kontrak (Tender / Sebut harga) perlu menggunakan Format Kertas Taklimat seperti **LAMPIRAN X** yang boleh disesuaikan mengikut perolehan di Bahagian/Intitusi.

#### Sijil Akuan Penerimaan (SAP) dan Sijil Pemasangan & Pengujian (SPP)

- 5.6 Bahagian / Institusi penerima perlu memastikan butiran maklumat iaitu tarikh penerimaan pada SAP adalah tarikh selepas Pesanan Kontrak atau *Contract Order (CO)* dikeluarkan manakala tarikh pada SPP perlu dimasukkan tarikh siap & selesai pemasangan, pengujian, pentauliahan dan sebagainya (sepertimana tertakluk dalam keperluan spesifikasi).
- 5.7 Sebelum pengesahan penerimaan perkhidmatan dilakukan, pegawai penerima perlu memastikan sama ada pembayaran boleh dibuat secara penuh atau perlu dikenakan pemotongan, denda atau tolakan selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat kontrak.

#### Perubahan Kontrak

- 5.8 Selaras dengan Arahan Perbendaharaan AP 201 (e) dan AP 11, JPPKK Rujukan KPT 400 – 1/1/2 (7) bertarikh 21 Ogos 2020 Sebarang Perubahan Kontrak adalah dibawah pertimbangan Pentadbir Kontrak di JPPKK. Permohonan Perubahan Kontrak perlu menggunakan borang permohonan seperti **LAMPIRAN XI** dan dikemukakan kepada

Unit Perolehan sebanyak **dua (2) set lengkap** berserta dokumen lain yang berkaitan

- 5.9 Permohonan yang lengkap berserta dokumen berkaitan perlu dihantar kepada Unit Perolehan, Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) JPPKK **sekurang-kurangnya sebulan** sebelum tempoh pembekalan sebenar tamat.
- 5.10 Permohonan perubahan bagi item/peralatan yang sama **boleh** dipertimbangkan adalah maksimum **sebanyak dua (2) kali sahaja**.

#### Penilaian Prestasi

- 5.11 Penilaian prestasi syarikat bagi kontrak bermasa hendaklah dilaksanakan secara bulanan bagi memastikan Kerajaan mendapat nilai faedah terbaik untuk setiap perolehan yang dilaksanakan.

#### Bon Pelaksanaan

- 5.12 Bagi Perolehan yang memerlukan Bon Pelaksanaan, perkara-perkara berikut hendaklah diambilkira oleh semua PTJ:-
- 5.12.1 Bon Pelaksanaan hanya dikenakan bagi kontrak (perolehan) bekalan dan perkhidmatan yang melebihi RM200,000.00 dan ke atas sahaja;
- 5.12.2 Bagi kontrak (perolehan) bekalan dan perkhidmatan yang bernilai RM200,00.00 hingga RM500,000.00 setahun, pembekal/kontraktor dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 2.5% daripada nilai kontrak (perolehan), manakala bagi kontrak yang bernilai RM500,000.00 dan ke atas setahun, pembekal/kontraktor dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada nilai kontrak (perolehan);
- 5.12.3 Bagi kontrak (perolehan) kerja yang bernilai RM200,00.00 dan keatas, kontraktor dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada nilai kontrak (perolehan);
- 5.12.4 Bagi kontrak (perolehan) bekalan dan perkhidmatan bermasa yang berkuatkuasa selama 2 (dua) tahun atau lebih, kadar dan peratus pengiraan Bon Pelaksanaan hendaklah ditentukan



berdasarkan harga anggaran kontrak untuk setahun sahaja dan bukan dari keseluruhan harga kontrak;

- 5.12.5 Tempoh Bon Pelaksanaan hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak dan terus berkuatkasa sehingga dua belas (12) bulan selepas tempoh kontrak tamat;
- 5.12.6 Bon Pelaksanaan ini hendaklah dalam bentuk Jaminan Bank atau Jaminan Bank Islam atau Jaminan Syarikat Kewangan atau Jaminan Insurans atau Jaminan Takaful, dalam ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan;
- 5.12.7 Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan oleh pembekal/kontraktor dalam masa **tiga puluh hari 30 hari** selepas tarikh penerimaan Surat Setuju Terima daripada pembekal/kontraktor:
- 5.12.8 Semua PTJ hendaklah menyemak dengan bank / bank islam / syarikat kewangan / syarikat insurans / syarikat takaful yang berkenaan tentang kesahihan bon pelaksanaan yang dikemukakan oleh pembekal/kontraktor dalam tempoh 14 hari dari tarikh Bon Pelaksanaan diterima daripada pembekal/kontraktor. Format bagi surat pengesahan tersebut hendaklah menggunakan format di **Lampiran 29** dan **Lampiran 30** dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia: P.K 4.2;
- 5.12.9 Bon Pelaksanaan hendaklah disimpan dengan teratur dan ditempat yang selamat; dan
- 5.12.10 Semua PTJ adalah dikehendaki menyediakan **Daftar Bon Pelaksanaan** di institusi masing-masing.

## 6.0 PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN

### 6.1 Pembayaran Bil Dan Penyelenggaraan Daftar Bil

- 6.1.1 Arahan Perbendaharaan 103(a) telah menetapkan bahawa semua bil dan tuntutan perlu dijelaskan pembayarannya dalam tempoh **empat belas (14) hari dari tarikh ia diterima dengan lengkap dan sempurna**. Prestasi pembayaran bil dan tuntutan merupakan **Key Performance Indicator (KPI)** Kementerian dan Jabatan.
- 6.1.2 Oleh itu, **Ketua Jabatan** hendaklah memastikan pembayaran bil dan tuntutan ini dilakukan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sebagai kawalan dalaman, Jabatan menyasarkan pembayaran bil dan tuntutan **dijelaskan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh bil dan tuntutan diterima dengan lengkap dan sempurna**.
- 6.1.3 Bagi tujuan ini, Daftar Bil hendaklah diselenggara dengan teratur dan Laporan Prestasi Pembayaran Bil dan Tuntutan (APRPT-035) mesti dihantar kepada Bahagian Akaun dalam tempoh pelaporan yang telah ditetapkan pada **setiap akhir bulan**.
- 6.1.4 Ketua PTJ perlu **memberi perhatian serius dan memantau pembayaran bil** supaya tidak berlaku kelewatan bayaran. Pemantauan oleh Bahagian Akaun akan dilaksanakan selama **tiga (3) bulan berturut turut** mulai dari bulan pembayaran bil dan tuntutan melebihi 14 hari. Kegagalan mematuhi arahan AP103(a), **Ketua Jabatan atau pegawai yang berkaitan boleh dikenakan tindakan surcaj** di bawah Seksyen 18 (e) Akta Tatacara Kewangan 1957 atau tindakan tatatertib.

### 6.2 Kawalan Terhadap Penganjuran Program

- 6.2.1 Semua penganjuran Program/Majlis Rasmi Jabatan yang mempunyai implikasi kewangan keseluruhan melebihi RM20,000 perlulah disediakan kertas kerja lengkap dengan implikasi kewangan untuk semakan dan ulasan BKP JPPKK sebelum ianya diangkat untuk kelulusan KP/TKP JPPKK.

6.2.2 Peringkat kelulusan adalah seperti berikut:-

Bil	Kos Keseluruhan	Pegawai Pelulus
1.	Melebihi RM20,000 hingga RM50,000	Timbalan Ketua Pengarah JPPKK
2.	Melebihi RM50,000 hingga RM500,000	Ketua Pengarah JPPKK

6.2.3 Dalam menganjurkan program/majlis rasmi Jabatan, Bahagia/Institusi disarankan untuk:-

- (a) Menggabungkan beberapa program dalam satu penganjuran bagi mengoptimumkan sumber kewangan dan tenaga kerja;
- (b) Mengadakan program di dalam kawasan pejabat atau premis milik Kerajaan;
- (c) Jamuan hendaklah diadakan secara bersederhana;
- (d) Perkara-perkara berikut adalah tidak dibenarkan:-
  - (1) Membuat gimik pelancaran yang melibatkan implikasi kewangan;
  - (2) Menggunakan perkhidmatan *event manager*; dan
  - (3) Pembelian baju korporat/baju seragam
- (e) Pemberian cenderamata adalah tidak dibenarkan tetapi sekiranya benar-benar perlu, hendaklah dihadkan kepada buku, kraftangan tempatan, produk makanan tempatan atau produk Politeknik / Kolej Komuniti.

6.2.4 Semua pegawai di Jabatan/Institusi diingatkan untuk memastikan semua tuntutan bayaran adalah bagi perkhidmatan/bekalan yang telah disempurnakan. Sekiranya didapati terdapat sebarang ketidakpatuhan, perkara tersebut akan dirujuk kepada pihak berwajib di JPPKK/KPT.

### 6.3 Kawalan Terhadap Makan Minum Mesyuarat / Majlis Rasmi / Persidangan / Bengkel / Kursus / Seminar

- 6.3.1 Kadar maksimum makan-minum mesyuarat / majlis rasmi / persidangan / bengkel / kursus / seminar yang tidak melibatkan pakej adalah seperti di **LAMPIRAN B(i) bagi Semenanjung dan LAMPIRAN B(ii) bagi Sabah/Sarawak.**
- 6.3.2 Urusetia mesyuarat juga boleh mengambil inisiatif dengan menyediakan makanan ringan yang dibeli menggunakan peruntukan di bawah OS25000.
- 6.3.3 Makan tengah hari tidak disediakan bagi mesyuarat / bengkel / kursus / seminar / majlis rasmi **KECUALI** yang melibatkan **tempoh masa lebih daripada 6 jam ATAU** yang melibatkan **Menteri / Timbalan Menteri / KSU / TKSU / KP / TKP / Pengarah Kanan / Pengarah Institusi / tetamu luar.**
- 6.3.4 Tempahan makan dan minum tidak dibenarkan bagi mesyuarat yang **kurang daripada 1 jam.**
- 6.3.5 Urusetia bagi persidangan / bengkel / kursus / seminar perlu menyatakan dengan jelas **“Makan dan minum sepanjang persidangan / bengkel / kursus / seminar disediakan oleh pihak urusetia”** di dalam surat jemputan sekiranya makan minum disediakan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan permohonan pesanan kerajaan bagi penyediaan makan-minum **tidak diluluskan.**
- 6.3.6 Tempahan makan-minum bagi mesyuarat / majlis rasmi / persidangan / bengkel / kursus / seminar **perlu dipohon melalui Sistem eP dan serahan tangan selewat-lewatnya 14 hari sebelum tarikh pelaksanaan program.**

### 6.4 Kawalan Terhadap Tuntutan Perjalanan

- 6.4.1 Peruntukan bagi tuntutan perjalanan di bawah OS21000 adalah **TERHAD.** Semua Pengarah Bahagian/Institusi adalah bertanggungjawab untuk **merancang** dan **memantau pergerakan pegawai masing-masing** bagi memastikan peruntukan sedia ada yang diagihkan adalah **mencukupi** bagi **menampung keperluan sehingga akhir tahun.**

- 6.4.2 Perbelanjaan bagi perjalanan di dalam negeri hendaklah dihadkan kepada perjalanan yang benar-benar perlu sahaja dengan bilangan pegawai yang minima dan kaedah perjalanan yang paling menjimatkan.
- 6.4.3 Seseorang yang menggunakan kenderaan sendiri untuk bertugas di sesuatu tempat yang **jaraknya melebihi 240km daripada Ibu Pejabatnya perlu mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan**. Format Borang Permohonan Bertugas Rasmi di Luar Pejabat adalah seperti di **LAMPIRAN XII**.
- 6.4.4 Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) yang hadir bagi sesuatu aktiviti atau program hendaklah memainkan peranan sebagai urus setia dan bilangan kehadiran bagi kumpulan sokongan hendaklah diminimumkan bagi mengelakkan keterlibatan tuntutan perjalanan diri dan elaun lebih masa yang tinggi.
- 6.4.5 Bagi tugas yang melibatkan perjalanan berkumpulan (lebih daripada seorang) serta mempunyai akses jalan darat, pegawai **disarankan untuk menggunakan kenderaan Jabatan atau berkongsi kenderaan**.
- 6.4.6 Bagi tugas rasmi yang memerlukan penginapan di luar, pegawai adalah **disarankan untuk menggunakan bilik penginapan yang kadarnya lebih rendah daripada kelayakan pegawai**.
- 6.4.7 Tuntutan perjalanan yang lengkap hendaklah dikemukakan **selewat-lewatnya pada 5hb bulan berikutnya**. Ini adalah bagi mempercepatkan proses semakan serta proses pembayaran tuntutan.
- 6.4.8 Sekiranya tuntutan dikemukakan **melebihi 10hb, surat tunjuk sebab yang diluluskan oleh Pegawai Pelulus** seperti yang dinyatakan dalam Perwakilan Kuasa Pegawai Pengawal perlu dikemukakan bersama.

6.4.9 Semua tuntutan perjalanan **perlu dibuat melalui Sistem HRMIS dan permohonan perlu dicetak untuk dihantar ke Unit Kewangan.**

6.4.10 Unit Kewangan akan membuat pemotongan sekiranya didapati tuntutan yang dibuat adalah tidak munasabah tanpa memaklumkan kepada pegawai.

6.4.11 Tuntutan Perjalanan boleh merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan WP1.4 - Bagi Tugas Rasmi dan Pekeliling Perbendaharaan WP1.10 - Bagi Semasa Berkursus.

## 6.5 **Kawalan Terhadap Tuntutan Elaun Kerja Lebih Masa**

6.5.1 Peruntukan bagi tuntutan elaun kerja lebih masa di bawah OS14000 adalah **TERHAD**. Tuntutan elaun kerja lebih masa bagi seorang pegawai pelaksana adalah **dihadkan tidak melebihi 1/3 daripada gaji hakiki bulanan yang diterima untuk satu tuntutan (kecuali pemandu).**

6.5.2 Tuntutan elaun kerja lebih masa pada hari minggu bagi pegawai pelaksana selain daripada pemandu adalah **tidak digalakkan.**

6.5.3 Pengarah Bahagian/Institusi perlu merancang dan memastikan bahawa **Arahan Kerja Lebih Masa** dikeluarkan terlebih dahulu sebelum sesuatu kerja lebih masa dilaksanakan.

6.5.4 Semua tuntutan elaun kerja lebih masa **perlu dibuat melalui aplikasi HRMIS dan permohonan perlu dicetak untuk dihantar ke Unit Kewangan.**

6.5.5 Unit Kewangan akan membuat pemotongan sekiranya didapati tuntutan yang dibuat adalah tidak munasabah tanpa memaklumkan kepada pegawai.

## 6.6 **Kawalan Terhadap Penggunaan Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA)**

6.6.1 Berikut adalah perkara-perkara yang perlu dipatuhi oleh pegawai-pegawai yang menggunakan perkhidmatan penerbangan bagi menjalankan tugas rasmi:-

- (a) Pegawai perlu **mengutamakan penggunaan perkhidmatan penerbangan termurah** bagi semua perjalanan domestik yang menggunakan waran udara.
- (b) Pembelian tiket penerbangan secara atas talian **adalah digalakkan kerana memberi lebih penjimatan kepada Kerajaan.** Merujuk kepada FAQ 1PP, kos pembelian tiket yang boleh dituntut adalah terdiri daripada komponen berikut:-
- (1) Harga Tiket Penerbangan;
  - (2) Surcaj Bahan Api;
  - (3) Cukai Lapangan Terbang;
  - (4) KLIA2 Fees (jika berkaitan);
  - (5) Bagasi (tuntutan berdasarkan kilogram bagasi paling minimum yang ditawarkan oleh syarikat penerbangan);
  - (6) Insurans;
  - (7) *Processing fee* - *fee* tersebut adalah wajib bagi membolehkan tiket dikeluarkan oleh syarikat penerbangan atau syarikat pengembara pelancongan; dan
  - (8) Tuntutan-tuntutan lain yang diluluskan oleh Pegawai Pengawal.\*

*\*Nota: Pegawai Pengawal boleh menentukan kos-kos lain yang boleh dituntut berdasarkan kepada kewajaran dan keperluan Kementerian / Jabatan / Institusi masing-masing.*

6.6.2 Permohonan penggunaan WPUA hendaklah dikemukakan **selewat-lewatnya 3 hari bekerja sebelum tarikh perjalanan.** Kegagalan mengemukakan permohonan WPUA dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan permohonan tidak akan diproses. Sehubungan dengan itu, pembelian tiket penerbangan perlu dilaksanakan sendiri dan mendapatkan bayaran kembali secara tuntutan perjalanan.

6.6.3 Bagi pegawai yang menggunakan WPUA, *boarding pass* hendaklah dikemukakan kepada Unit Kewangan **dalam tempoh 3 hari bekerja setelah perjalanan selesai (penggunaan *online boarding pass* adalah digalakkan bagi memudahkan rujukan dan penyimpanan rekod).** Pegawai yang tidak

menggunakan tiket penerbangan yang telah dikeluarkan perlu memberikan justifikasi dan mengemukakannya ke Unit Kewangan dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh perjalanan pegawai.

6.6.4 Sekiranya didapati perjalanan tidak dilaksanakan yang mewujudkan kes “*no show passenger*”. Tindakan denda boleh dikenakan kepada pegawai seperti yang tertakluk di dalam Pekeliling Perbendaharaan WP2.5.

## 6.7 Kawalan Terhadap Penggunaan Kemudahan Perhubungan dan Utiliti

6.7.1 Usaha bagi mempertingkatkan penjimatan perbelanjaan utiliti elektrik perlu diambil dengan melaksanakan sepenuhnya saranan di dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2014 berkenaan Garis Panduan Kaedah Penjimatan Tenaga di Pejabat dan Premis Kerajaan.

6.7.2 Penggunaan perkhidmatan pos laju dan faks hendaklah diminimumkan dengan mengemukakan dokumen-dokumen yang hendak dikemukakan melalui emel atau Big Mail Transfer (BMT) MyGovUC bagi dokumen bersaiz besar.

## 6.8 Kawalan Terhadap Penggunaan Bahan Habis Guna dan Bekalan Pejabat

6.8.1 Penggunaan kertas perlu diminimumkan dengan melaksanakan perkara-perkara berikut:-

- (a) Melaksanakan edaran dokumen seperti Minit Mesyuarat melalui emel;
- (b) Mencetak dokumen daripada emel hanya jika perlu;
- (c) Mencetak di kedua belah muka surat kertas; dan
- (d) Bagi kertas-kertas dalam bentuk draf untuk semakan, cetakan dibuat di atas *rough paper*.

6.8.2 Bagi menjimatkan kos perolehan kertas, penggunaan Kertas Conqueror sebagai Kepala Surat adalah dihadkan bagi kegunaan Ketua Pengarah JPPKK sahaja. Kepala Surat



Pengarah-Pengarah Bahagian dan Institusi hendaklah menggunakan kertas putih biasa.

6.8.3 Penggunaan cetakan berwarna juga hendaklah diminimumkan dengan menghadkan cetakan untuk kegunaan dan rujukan penting sahaja.

6.8.4 Perolehan bekalan pejabat perlu dikurangkan kepada yang benar-benar perlu sahaja.

6.8.5 Penyediaan pen dan kertas bagi peserta bengkel / kursus adalah tidak digalakkan.

## 6.9 Kawalan Terhadap Penggunaan Kad Inden Minyak

6.9.1 Pengurusan kad inden minyak hendaklah dikawal dan dipantau penggunaannya oleh pegawai kenderaan yang dilantik oleh Ketua Jabatan untuk mengelakkan berlakunya ketirisan dan penyalahgunaan.

6.9.2 Semakan pukal antara invois syarikat dengan laporan pukal di iGFMAS hendaklah dicetak, disemak dan disahkan secara bulanan oleh pegawai yang diberi kuasa.

## 6.10 Permohonan Kelulusan Khas Kementerian Kewangan (MOF)

6.10.1 Perkara-perkara yang di luar daripada peraturan sedia ada dan memerlukan kelulusan khas MOF hendaklah diperolehi sebelum sesuatu program dilaksanakan;

6.10.2 Permohonan kelulusan khas berhubung Kawalan Perbelanjaan, Kawalan Bajet, Perolehan, Kemudahan dan Elaun, Pembayaran di bawah AP59 dan lain-lain hendaklah dikemukakan beserta justifikasi serta dokumen sokongan yang lengkap untuk persetujuan Pegawai Pengawal atau pegawai yang telah diwakilkan kuasa terlebih dahulu sebelum dikemukakan kepada MOF;

6.10.3 Ketua Jabatan/Pengarah Institusi perlu memastikan supaya permohonan yang diterima oleh Pegawai Pengawal adalah **tidak lewat daripada 90 hari** daripada tarikh program bagi kelulusan khas MOF.

## 6.11 Pengurusan Akaun Belum Terima (ABT)

- 6.11.1 Pelaporan ABT hendaklah mengikut **Pekeliling Perbendaharaan WP10.6: Pengurusan Akaun Belum Terima**.
- 6.11.2 Bahagian/Institusi dikehendaki mengemukakan **Laporan ABT kepada Unit Kewangan, BKP JPPKK setiap bulan**. Laporan tersebut akan dikemukakan kepada BKA KPT untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Pemantauan ABT dan mesyuarat- mesyuarat Pengurusan Tertinggi Kementerian.
- 6.11.3 Bahagian/Institusi yang tidak mempunyai ABT dan Tunggakan pada tarikh aporan juga dikehendaki mengemukakan penyata tersebut dengan memaklumkan **TIADA ABT** pada tempoh tersebut.
- 6.11.4 Pegawai yang melaksanakan kutipan tunggakan ABT di Bahagian/Institusi hendaklah **melaksanakan usaha** bagi mendapatkan kembali hutang secara giat dengan menggunakan semua saluran yang ada seperti berikut:-
- (a) Mengesan alamat terkini dan status penghutang/ syarikat menerusi agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Imigresen Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan lain-lain;
  - (b) Mengesan rekod keluar masuk negara dengan Jabatan Imigresen Malaysia dan Wisma Putra sekiranya perlu;
  - (c) Menghantar surat-surat peringatan bayaran hutang kepada alamat penghutang yang dikenal pasti dengan konsisten dan kerap penghantaran melalui *AR Register* atau serahan tangan (bukti penerimaan);
  - (d) Menyemak status kebangkrapan individu atau penggulungan syarikat dengan Jabatan Insolvensi Malaysia;

(e) **Mengadakan lawatan ke premis/alamat penghutang untuk bersemuka dengan penghutang; dan**

(f) **Usaha-usaha lain yang difikirkan perlu.**

6.11.5 Setelah usaha-usaha di atas dibuat dengan giat dan penghutang didapati **tidak memberikan maklum balas atau tidak dapat dikesan**, kes tersebut perlu dikemukakan kepada Penasihat Undang-Undang Kementerian (beserta bukti bahawa usaha telah diambil untuk mengutip kembali hutang) melalui BKP JPPKK dengan **kadar segera** supaya tindakan perundangan dapat diambil sebelum terhalang oleh sekatan had masa selaras dengan Akta Had Masa 1953 yang berkuatkuasa. Memastikan dokumen yang telah lengkap dikemukakan dengan mematuhi Senarai Semak seperti di **LAMPIRAN XIII**.

6.11.6 Institusi hendaklah mengambil tindakan susulan dengan mewujudkan mekanisme penguatkuasaan dan mengadakan mesyuarat secara berkala di Institusi masing-masing untuk mendapatkan semula jumlah tunggakan ABT bagi mengelakkan daripada berlaku hutang lapuk.

6.11.7 Mesyuarat Pemantauan ABT JPPKK akan dilaksanakan 4 kali setahun mengikut takwim seperti di **LAMPIRAN A**.

### ***Hapus Kira ABT***

6.11.8 Permohonan hapus kira hutang yang tidak dapat dikutip boleh dikemukakan melalui Pegawai Pengawal kepada Perbendaharaan Malaysia bagi tujuan kelulusan hapus kira. Semua permohonan hapus kira hendaklah **dikemukakan kepada BKA KPT melalui Unit Kewangan, BKP JPPKK** bagi tujuan kelulusan di peringkat Pegawai Pengawal atau Perbendaharaan Malaysia.

6.11.9 Semua permohonan hapus kira akan disemak dan diteliti terlebih dahulu oleh BKA KPT. Sekiranya usaha mengesan penghutang dan usaha membuat kutipan didapati tidak dilaksanakan dengan intensif oleh Jabatan/Institusi, maka BKA KPT berhak menolak permohonan tersebut. Permohonan yang dikemukakan hendaklah bersekali dengan

dokumen pembuktian/sokongan dalam kes pegawai meninggal dunia, diisytiharkan mufliis atau yang berkaitan.

6.11.10 Semua permohonan hapus kira hendaklah berdasarkan format yang ditetapkan di bawah **Pekeliling Perbendaharaan WP10.3: Pengurusan Kehilangan Dan Hapus Kira Wang Awam.**

6.11.11 Mana-mana bayaran yang dibuat bagi ABT yang telah dihapus kira hendaklah mengikut prosedur terimaan yang berkuat kuasa.

## 6.12 Pengurusan Akaun Amanah

6.12.1 Tatacara Pengurusan Akaun Amanah adalah perlu mematuhi Pekeliling Perbendaharaan WP10.4.

6.12.2 ABT Akaun Amanah perlu dilaporkan setiap bulan kepada Urusetia di BKP JPPKK. Pelaporan dan pengurusan ABT Akaun Amanah hendaklah mengikut Pekeliling Perbendaharaan WP10.6: Pengurusan Akaun Belum Terima.

6.12.3 Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Politeknik dan Latihan Khas Kolej Komuniti akan diadakan dua (2) kali setahun mengikut takwim seperti di **LAMPIRAN A** selaras dengan arahan pekeling yang berkuatkuasa.

## 6.13 Pengurusan Pulangan Balik Hasil

6.13.1 Garis Panduan Pengurusan Bayaran Balik Hasil adalah seperti di **LAMPIRAN XIV.**

## 6.14 Panjar Wang Runcit

6.14.1 Penggunaan Panjar Wang Runcit (PWR) adalah terhad untuk pembayaran kecil yang segera/ad hoc atau kecemasan sahaja.

6.14.2 Jumlah pembayaran yang dibenarkan adalah **tidak melebihi RM500 bagi satu (1) resit / bil.**

## 7.0 PENGURUSAN ASET

### 7.1 Pihak Berkuasa Melulus Bagi Pelupusan Aset Alih

7.1.1 Permohonan pelupusan aset alih oleh agensi hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melulus seperti yang telah ditetapkan di dalam Akta Perwakilan Kuasa 1956 P.U.(B) 485 bertarikh 27 Oktober 2014. Melalui akta ini, pegawai yang diberi kuasa untuk meluluskan pelupusan aset alih adalah seperti berikut:-

BIL.	PELULUS	NILAI PEROLEHAN ASAL
1	Ketua Pengarah	<b>Tidak melebihi</b> RM300,000.00 per item atau kurang RM3,000,000.00 <b>secara agregat.</b>
2	Ketua Setiausaha	<b>Tidak melebihi</b> RM400,000.00 per item atau kurang RM4,000,000.00 <b>secara agregat.</b>
3.	Perbendaharaan	<b>Melebihi</b> RM400,000.00 per item atau RM4,000,000.00 <b>secara agregat.</b>

7.1.2 Semua permohonan pelupusan aset alih termasuk nilai perolehan asal melebihi RM300,000.00 per item atau RM3,000,000.00 secara agregat perlu dikemukakan kepada Unit Aset JPPKK terlebih dahulu untuk tujuan semakan sebelum dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Melulus.

7.1.3 Semua permohonan pelupusan aset alih perlu mematuhi dan menggunakan senarai semak dalam **Garis Panduan Pelupusan Aset Alih Kerajaan Bagi Pusat Tanggungjawab Di Bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti** seperti di Lampiran XV.

## 7.2 Perakaunan Aset

7.2.1 Nilai batas perbelanjaan (*threshold*) bagi membolehkan aset tersebut dipermodalkan adalah **RM2,000 bagi setiap item dan menggunakan kod akaun A1435xxx (atau A1431xxx atau selainnya bergantung kepada jenis kategori aset tersebut)**. Manakala aset di bawah **RM2,000** setiap item dikategorikan sebagai Aset Bernilai Rendah hendaklah **dibelanjakan dan menggunakan kod akaun B0335xxx (atau 80331xxx atau selainnya bergantung kepada jenis kategori aset tersebut)** dan masih perlu direkodkan dalam SPA bagi tujuan rekod dan kawalan.

7.2.2 Bagi aset alih yang diterima sebagai hadiah/sumbangan dari agensi luar/persendirian (selain dari Kerajaan Persekutuan), aset tersebut perlu diperakaunkan di mana PTJ penerima aset tersebut mengunci masuk tindakan perolehan dalam sistem iGFMS di modul Perakaunan Aset.

7.2.3 Ketua Jabatan perlu memastikan data **semua aset tak alih dan aset alih direkodkan di dalam sistem perakaunan iGFMS** bagi membolehkan semua data aset dilaporkan dengan nilai yang tepat dan sebenar. Ketua Jabatan juga perlu memastikan bahawa **pegawai yang mengunci masuk maklumat berkaitan aset di dalam iGFMS tidak terlibat secara langsung dalam pengurusan aset di PTJ**.

7.3 **Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK)** akan diadakan **empat (4) kali setahun** mengikut takwim seperti di **LAMPIRAN A** selaras dengan arahan pekeliling yang berkuatkuasa.

## 7.4 Kawalan Pelulus Pindahan Aset Alih Kerajaan

7.4.1 Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan A.M 2.6: Pindahan, Ketua Jabatan masing-masing mempunyai hak untuk mempertimbangkan permohonan pindahan Aset Alih antara Pusat Tanggungjawab (PTJ) agensi Kerajaan Persekutuan dengan Pusat Tanggungjawab (PTJ) agensi Kerajaan Persekutuan yang lain.

7.4.2 Walau bagaimanapun, Politeknik dan Kolej Komuniti yang berhasrat menjalankan **proses pindahan keluar aset alih di institusi sendiri hendaklah mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)** dengan berpandukan Tatacara Pindahan Aset Alih yang berkuatkuasa.

## 7.5 **Penerimaan dan Pendaftaran Aset/Stok Kerajaan**

7.5.1 Ketua Jabatan hendaklah melantik Pegawai Penerima yang bertanggungjawab untuk menerima dan memeriksa Aset/Stok yang diterima. Bagi **aset/stok teknikal, Pegawai Penerima yang dilantik hendaklah memiliki kepakaran dalam bidang berkaitan.**

7.5.2 Tempoh pendaftaran atau perekodan aset/stok iaitu **14 hari bermula selepas pengesahan penerimaan aset oleh Pegawai Penerima** pada dokumen seperti Pesanan Penghantaran (Delivery Order), Sijil Akuan Penerimaan (SAP), Sijil Pengujian dan Pentauliahan (SPP) atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan

7.5.3 Pegawai Penerima hendaklah memastikan **aset berfungsi dengan baik, dihantar mengikut spesifikasi yang diminta dan dibekalkan sesalinan dokumen-dokumen seperti Pesanan Rasmi Kerajaan, Nota Serahan, Inbois, Surat Jaminan dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan sebelum membuat pengesahan penerimaan barang.**

7.5.4 **Sesalinan dokumen-dokumen berkaitan penerimaan hendaklah diserahkan kepada Pegawai Pendaftar Aset** setelah Pegawai Penerima mengesahkan penerimaan aset; dan

7.5.5 Pegawai Pendaftar Aset perlu mendapatkan **bantuan atau membuat aduan bertulis ke pihak sepatutnya dalam tempoh pendaftaran 14 hari** yang sedang berkuatkuasa sekiranya terdapat masalah berkaitan pendaftaran.

## 8.0 PEMATUHAN KAWALAN

Pematuhan Arahan Pentadbiran Kewangan (APK) Bilangan 1 Tahun 2021 ini adalah tertakluk kepada perubahan pekeliling dan peraturan-peraturan semasa yang berkuatkuasa.

## 9.0 TARIKH KUATKUASA

Arahan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(Ts. ZAINAB BINTI AHMAD)**

**Ketua Pengarah**

**Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti**

**Kementerian Pengajian Tinggi**

Tarikh: 20 Januari 2021



# LAMPIRAN A

**TAKWIM MESYUARAT BERKAITAN  
PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN DI PERINGKAT  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)**

<b>Bil</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Nama Mesyuarat</b>
<b>Mesyuarat JKPAK, JPKA, Pasukan Pelaksana eP dan Akaun Amanah Ahli: Pengarah-Pengarah Bahagian &amp; Institusi</b>		
1.	<b>26 Januari 2021 (Selasa)</b>	(i) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) JPPKK Bil. 1/2021  (ii) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) JPPKK Bil.1/2021  (iii) Mesyuarat Pasukan Pelaksana Sistem eP JPPKK Bil.1/2021
2.	<b>23 Mac 2021 (Selasa)</b>	(i) Mesyuarat Akaun Amanah Politeknik dan Latihan Khas Kolej Komuniti Bil.1/2021
